



قِبَابَةِ قِنْغَارَهِ تَانَهِ دَانِ كَالِينِ، تِرِنْجَانُو.
PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU,
TINGKAT 11, WISMA DARUL IMAN,
20200 KUALA TERENGGANU,
TERENGGANU.

38
Telefon: 09-631957 samb. 2308/2310
Fax : 09-634278

ARAHAH PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL. 3/1994

PUNGUTAN SEWA BAGI TANAH MELOMBONG

Kebelakangan ini timbul kekeliruan berhubung dengan cara pungutan sewa tanah perlombongan yang diberimilik secara Sijil Melombong atau Pajakan Melombong (Mining Certificate or Mining Lease). Perkara ini sepatutnya tidak berlaku kerana pentadbiran tanah lombong adalah berbeza dari pentadbiran tanah yang dilupuskan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 atau undang-undang terdahulu daripadanya.

2. Tanah Lombong adalah ditadbir di bawah Enakmen Galian Terengganu, No. 51/1356 dan cukainya dipungut melalui peruntukan di dalam Peraturan-peraturan Galian, 1950 (Pindaan 1974). Kadar yang diwartakan melalui TR. PU. 11 bertarikh 19 Disember 1974 **BELUM** dipinda lagi setakat ini.
3. Dengan erti kata yang lain, tanah lombong tidak terlibat dengan pindaan cukai tanah 1994. Oleh yang demikian pungutannya tidak boleh menggunakan bil cukai tanah, parit dan taliair. Sebenarnya tidak ada bil yang dikeluarkan bagi tanah galian.
4. Sekiranya terdapat pemilik tanah lombong ingin mendapatkan bil, maka adalah dinasihatkan agar Dato'/Tuan memaklumkan sahaja jumlah sewa yang sepatutnya dikenakan melalui surat biasa. Bil/Resit Pelbagai perlu dikeluarkan sebagai tanda akuan terima wang selepas mereka membuat bayaran.
5. Pekeliling Pesuruhjaya Tanah dan Galian, Terengganu Bil. 3/1955 adalah berkaitan.

Sekian.

"KUALITI TERAS KEJAYAAN"

Dihantar pada 28 FEB 1994

Saya yang menurut perintah,

(**DATO' NIK MOHD KHALID BIN KAMIL**)
Pengarah Tanah dan Galian,
Terengganu.

Tandatangan

Kerani Kaunter/Despatch
Pejabat Pengarah Tanah
& Galian Trg.

...2/-

Edaran:

1. Pentadbir Tanah, Besut.
2. Pentadbir Tanah, Dungun.
3. Pentadbir Tanah, Hulu Terengganu.
4. Pentadbir Tanah, Kemaman.
5. Pentadbir Tanah, Kuala Terengganu.
6. Pentadbir Tanah, Marang.
7. Pentadbir Tanah, Setiu.

s.k.

Y.B. Setiausaha Kerajaan, Terengganu.

Fail : PTG.TR. G/05/1988/06/02 -(38)
Tarikh : 27 Februari 1994
Bersamaaan : 16 Ramadhan 1414

zlm/zul
arahan.ptg-KPM1